THE BORNEO POST
Wednesday, April 3, 2013





GOOD LUCK: Ramli (left) taking a closer look at the appointment letters of the nurses while Saiful (second left) looks on. — Photo by Chimon Upon

# 4,441 people entered civil service in S'wak last year

**KUCHING:** Around 4,441 people in the state were hired to serve in various positions in different grades of the public sector last year, disclosed Public Services Commission (SPA) secretary Datuk Ramli Juhari.

According to him, this comprised 11 per cent of the 50,000 successful applications throughout the country.

"SPA Malaysia receives on average 1.2 million applications annually of which 100,000 applications are from Sarawak.

"However, we can only hire around 50,000 people out of the 1.2 million applications received," Ramli told reporters at a press conference at SPA Sarawak branch here yesterday.

Though the percentage of hired civil servants in the state may seem small, Ramli remarked that the 11 per cent was almost similar to that of other states.

> SPA Malaysia receives on average 1.2 million applications annually of which 100,000 applications are from Sarawak.
>
> Datuk Ramli Juhari, Public Services Commission (SPA) secretary

"We do not set a quota for hiring as this depends on the vacancies available but if there are vacancies in Sarawak, priority will be given to Sarawakians," he clarified.

Asked to comment on vacancies in the public sector being frozen with the extension of retirement age to 60, Ramli said not all civil servants opt to retire at 60 as some choose to retire early at 58.

"There are many civil servants who will be retiring next year and according to our system, there are approximately 6,000 retiring this year. This goes to show that there will be vacancies available," he said.

"In fact, this year alone, there are almost 60,000 vacancies available throughout the year following the retirement of some civil servants, those getting promoted and new job positions," added Ramli.

Earlier Ramli officiated at the handover of appointment letters to community nurses and assistant administrative officers as well as offer letters for nurse training through KPSL (Promotion by Appointment).

The ceremony was part of SPA's transformation process whereby appointment or offer letters to qualified candidates are handed over personally rather than delivered by mail.

"Previously, the letters were posted to them but we are changing this approach as we feel that handing over appointment letters to the candidates in person enables a personal touch," he explained.

In addition, SPA will be able to inform candidates of the field of work, responsibilities and values emphasised in the public service, Ramli added.

Also present at the ceremony was SPA Sarawak division undersecretary Mohd Saiful Sungkih Abdullah.

# Kenaikan Pangkat Secara Lantikan diterima baik

Tinjauan

KUCHING, Selasa — Tawaran Lantikan dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia adalah satu perkara yang cukup membanggakan kerana diberi peluang untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Phelliscia Boniface, 34, yang telah bertugas selama 10 tahun dalam perkhidmatan awam sebagai jururawat masyarakat berasa amat bersyukur kerana diberi peluang Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

"Saya sudah lima kali mencuba untuk KPSL dan tidak menduga akan terpilih juga akhirnya," katanya ketika ditemui selepas menerima surat tawaran lantikan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di Bangunan Sultan Iskandar Simpang Tiga di sini pagi tadi.

Menurutnya peluang itu akan digunakan sebaik-baiknya dan belajar bersungguh-sungguh supaya dapat dinaikkan pangkat ke jawatan gred 29.

Phelliscia yang kini bertugas di Klinik 1Malaysia Sibu berikrar memperbaiki mutu perkhidmatan dan menjaga imej penjawat awam supaya terus menjadi kebanggaan umum.

Sementara Florence Rinta Mathew, 23, juga bergembira dengan pelantikan ke jawatan dalam SPA kerana dapat membantu meringankan beban keluarga.

"Tambahan pula lantikan ini adalah secara tetap dan saya tidak risau lagi untuk mencari pekerjaan dalam bidang sama sekiranya bertaraf kontrak," katanya.

Dia yang pernah memohon untuk mengisi perjawatan sebagai jururawat masyarakat telah ditawarkan untuk menjalani latihan selama dua tahun enam bulan di Sabah.



Phelliscia Boniface

Setelah menunggu selama tiga bulan selepas tamat latihan beliau ditawarkan lantikan tetap sebagai jururawat masyarakat dalam SPA dan akan berkhidmat di Hospital Lundu bermula esok.

Dia juga berikrar akan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam bidang kejururawatan.

"Latihan selama ini hanya sebagai asas dan persediaan sahaja kerana pengalaman juga kemahiran sebenar adalah tugas yang perlu dijalankan," katanya.

Tambahan pula, katanya banyak perkara yang perlu dipelajari dari rakan-rakan senior kerana mereka sudah lama berkecimpung dalam bidang itu.

Mesra dikenali dengan Rinta, dia juga berterimakasih kepada kerajaan kerana memberi peluang kepadanya untuk menjadi sebahagian daripada kakitangan awam. "Saya tahu tugas dan tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam adalah amat besar tetapi akan mencuba memberikan yang terbaik," kata Amylie Chandy, 22.

Dia merupakan salah seorang penerima surat tawaran lantikan tetap kakitangan kerajaan melalui SPA sebagai jururawat masyarakat di negeri ini.



Florence Rinta Mathew (kiri) dan Amylie Chandy

Dia juga memuji langkah diambil SPA yang menyampaikan sendiri surat tawaran lantikan dan latihan kepada mereka yang layak.

Ini kerana katanya kadang-kadang calon petugas awam yang dilantik tidak mendapat surat tawaran lantikan tepat pada masanya atau kadang-kadang gagal diserahkan.

"Saya juga bersyukur kerana mendapat peluang ini dan berjanji akan memberikan perkhidmatan yang terbaik di samping menjaga tatasusila demi reputasi kerajaan," katanya yang akan memulakan tugas di Hospital Umum Sarawak esok.

# Jaga nama baik penjawat awam

JUMIET NYIREK

KUCHING, Selasa — Kakitangan perkhidmatan awam dinasihat tidak mencemarkan nama baik sebagai penjawat awam sehingga membangkitkan persepsi negatif di kalangan masyarakat.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Datuk Ramli Juhari berkata penjawat awam harus menjaga imej dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

"Oleh itu penjawat awam perlu menjaga tatasusila dan mengelak melakukan kesalahan disiplin yang boleh menyebabkan dikenakan tindakan tatatertib," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian Surat Tawaran Lantikan dan Surat Tawaran Latihan Separa Perubatan di Pejabat SPA, Bangunan Sultan Iskandar Simpang Tiga di sini pagi tadi.

Menurut beliau bidang penjawat awam adalah berbeza dengan swasta kerana seorang penjawat awam masih kekal memegang status pekerjaan meskipun di luar waktu kerja.

Ini bermakna, katanya seorang penjawat awam tetap menggalas tanggungjawab sebagai jambatan kerajaan walau di mana mereka berada.

Bagaimanapun, tambah beliau, berbeza dengan seorang kakitangan swasta kerana komitmen tugasnya hanya pada waktu kerja sahaja.

"Oleh itu seorang penajwat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh jabatan masing-masing sekiranya terbabit dalam sesuatu perkara yang melanggar etika kerja walaupun di luar waktu kerja," katanya.

Justeru kata Datuk Ramli seseorang yang ditawarkan untuk berkhidmat sebagai penjawat awam harus meneliti dan bersetuju dengan semua syarat lantikan yang dikemukakan.

Ini kerana, tambah beliau sebaik menerima tawaran sebagai kakitangan awam maka seseorang itu harus memberi sepenuh komitmen dan menjaga nama baik tanpa mengira waktu atau lokasi dia berada.

"Sebarang tindakan dan perilaku yang negatif akan memberi kesan negatif kepada jabatan serta perkhidmatan awam amnya," katanya lagi.

Selain itu, kata Ramli seorang penjawat awam juga dikehendaki harus setia kepada kerajaan, sentiasa berfikiran terbuka dan memudahkan urusan perkhidmatan dengan masyarakat.

Beliau menasihatkan penjawat awam supaya jangan cepat melatah sebaliknya sentiasa memperbaiki perkhidmatan dari semasa ke semasa kerana bukan mudah untuk menyertai perkhidmatan awam.

"Apabila sudah diberi kesempatan maka gunakan dengan sebaik-baiknya dan teruskan berusaha kerana semua kakitangan dalam perkhidmatan awam akan diberi peluang untuk naik pangkat, belajar dan sebagainya," katanya.

Justeru tambah beliau seorang penjawat awam harus amalkan nilai-nilai murni dan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan," katanya.



HADIR ... Para jururawat yang hadir pada majlis penyampaian Surat Tawaran Lantikan dan Surat Tawaran Latihan Separa Perubatan, di Kuching, semalam. • SUZANNE EMPAM

Utusan Sarawak
SUMBER MAKLUMAT MASYARAKAT BERWAWASAN
Sarawak RM 1.00 Brunei Darussalam B$1.00 RABU • 3 APRIL 2013 • 22 JAMADILAWAL 1434H http://www.utusansarawakonline.com PPK 15/04/2013 (032306)

# Anak Sarawak diutamakan

*"Setiap tahun SPA telah melantik ramai anak jati Sarawak untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan persekutuan yang terdapat di negeri ini."* — DATUK RAMLI JUHARI, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

JUMIET NYIREK

KUCHING, Selasa — Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia sentiasa mengutamakan anak jati Sarawak bagi mengisi pelbagai kekosongan jawatan di negeri ini.

Setiausaha Datuk Ramli Juhari berkata ia bertujuan bagi memberi peluang kepada anak Sarawak untuk menjawat jawatan sebagai penjawat awam dan ejen kerajaan.

"Setiap tahun SPA telah melantik ramai anak jati Sarawak untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan persekutuan yang terdapat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Surat Tawaran Lantikan dan Surat Latihan Separa Perubatan di Pejabat SPA di Bangunan Sultan Iskandar di Jalan Simpang Tiga di sini pagi tadi.

Menurut beliau setiap tahun SPA menerima banyak permohonan untuk mengisi pelbagai perjawatan perkhidmatan awam persekutuan di negeri ini.

Pada tahun lepas, katanya SPA telah menerima sebanyak 100,000 permohonan tetapi hanya 4440 orang sahaja yang layak dan menepati syarat untuk mengisi perjawatan itu.

Ramli berkata kalau diperhatikan setiap tahun permohonan memasuki perkhidmatan awam Malaysia dalam pelbagai bidang SPA adalah sekitar 1.2 juta orang.

"Secara purata pengambilan setiap tahun hanya membabitkan 50,000 orang dan ini menunjukkan betapa sukar dan mencabarnya untuk mendapat tempat dalam perkhidmatan awam," katanya.

Justeru beliau menasihatkan mereka yang telah terpilih memasuki perkhidmatan awam supaya menggunakan peluang itu dengan sebaiknya dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.



LANTIK ... Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Datuk Rambli Juhari, dan Setiausaha Bahagian SPA Mohd Saiful Sungkih Abdullah bersama para jururawat melihat sijil selesai majlis Penyampaian Surat Tawaran Lantikan dan Surat Tawaran Latihan Separa Perubatan, di Kuching, semalam. • SUZANNE EMPAM

Bercakap tentang majlis pagi itu, beliau berkata ia merupakan salah satu transfomasi SPA dalam memberi surat lantikan kepada calon yang berjaya.

Kalau dipoerhatikan, katanya, dulu surat tawaran pelantikan dan latihan dalam menjawat perkhidmatan awam adalah melalui pos dan ada kemungkinan terdapat calon yang gagal mendapat surat terbabit.

"Oleh itu SPA telah menggunakan kaedah baru iaitu memanggil calon yang layak untuk menerima sendiri surat tawaran lantikan dan latihan daripada pihak kami (SPA)," tambah beliau.

Selain memberi surat tawaran, kata Ramli, calon juga diberi penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

Ini kerana, kata beliau sebaik menerima surat tawaran mereka hendaklah terus berkhidmat dan harus memberi sumbangan kepada kerajaan.

Beliau juga berkata mereka turut diberi penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam serta nilai nilai murni yang perlu ada.

Beliau menambah sebagai penjawat awam perlu ada nilai nilai seperti cepat, tepat, berintergriti, kreatif, produktif, inovatif, sentiasa berfikiran terbuka dan sebagainya.

Menjawab soalan berhubung tempoh lanjutan perkhidmatan awam, beliau menjelaskan ia terpulang kepada penjawat itu sendiri untuk memilih opsyen yang ditetapkan.

"Ada juga (penajwat awam) yang mahu menyambung sehingga usia 60 tahun dan ada setakat 58 tahun sahaja," katanya sambil menambah lanjutan perkhidmatan itu tidak memberi kesan kepada pengambilan dalam perkhidmatan.

Pada tahun ini, katanya seramai 6,000 orang akan bersara dari perkhidmatan manakala jumlah kekosongan yang masih wujud adalah kira kira 60,000 lagi.

Ditanya pengambilan dalam bidang kepolisan, Datuk Ramli berkata SPA hanya sebagai orang pengantaraan yang bertanggungjawab mengiklankan jawatan kosong.

Selain itu, katanya SPA juga membantu memilih calon yang diang gap layak untuk mengisi perjawatan kosong terbabit tetapi keputusan pemilihan dan lantikan adalah dibawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) sendiri.

SARAWAK Wednesday 3 April 2013 PP1641/03/2013 (No. 19591) (031549) Peninsula RM1.20, Sabah RM1.80, Sarawak RM1.20

News SGH urged to improve services
Seven hours of agony >S3
Column MIDIN SALAD by YU JI
Housing policy needs makeover >S7

The people's paper
Star

NEWS
Disabled's right to education
State's request for vocational school submitted last year has yet to get reply. >S6



1 PRICE 2 PAPERS
YOURS FOR THE TAKING FOR JUST RM1.20

web: thestar.com.my mobile: thestarmobile.com facebook.com/TheStarOnline twitter.com/staronline Customer Service: 1300 88 7827

# Top priority for Sarawakians

## SPA assures that it will continue to appoint locals for Federal vacancies

By RINTOS MAIL
rintos@thestar.com.my

**KUCHING:** Sarawakians will be given top priority whenever there are employment opportunities in various Federal departments and agencies in the state.

This assurance came from the Public Service Commission (SPA) secretary Datuk Ramli Juhari, who explained further that should there be any Federal vacancies available in Sarawak, it would be given to successful applicants who are based in the state.

"We have been doing it all this while and will continue with this policy," he told a press conference after handing over the appointment letters to nurses here yesterday.

Ramli said SPA received about 100,000 new applications from the state last year, of which about 4,400 had been successful.

He said the number was about 11% of the total Malaysians being offered various positions in the public sector last year.

On the public assumption that jobs in most of the sector had been frozen following the Government's decision to increase the retirement age to 60, Ramli said this was untrue as some had decided to call it a day after the age of 58.

Moreover, he disclosed that some 60,000 public sector employees would retire by end of this year.

"As such there will be 60,000 vacancies of all grades that need to be filled up this year.

"However, this will be done in stages so that not all the employees would retire at the same time," he added.

## Be loyal to your employer, public service employees told



**Getting acquainted:** Ramli (left) talking to some of the nurses after the handing over of appointment letters to them at Bangunan Sultan Iskandar in Kuching.

**KUCHING:** Malaysians, who have been offered jobs in the public sector, should always be loyal to their employer – the government of the day.

Malaysian Public Service Commission (SPA) secretary Datuk Ramli Juhari said it was very challenging to get jobs in the public sector nowadays because of stiff competition.

As such, he added, those who have secured them must place the interests of the employer ahead of their own.

He highlighted that SPA received an average of 1.2 million new applications nationwide every year against an average of 50,000 people required to fill up vacancies available in various government departments and agencies.

> **Employees who fail to do so may be subjected to disciplinary action up to and including dismissal.**
> – DATUK RAMLI JUHARI

He said last year, the commission roped in about 47,000 new employees into the country's public sector.

"Public service employees actually have a duty of loyalty to the SPA and consequently the Government, as their employer," he said after handing over the appointment letter from the commission to nurses here yesterday.

Earlier in his speech, Ramli said public service employees must exhibit the highest standards of conduct in service which should instil confidence in SPA instead of bringing it into disrepute.

He stressed that honesty and integrity of the SPA would demand the impartiality of employees whenever they perform their duties.

"Don't forget that the requirement to comply with our standards of conduct is a condition of employment.

"Employees who fail to do so may be subjected to disciplinary action up to and including dismissal," he warned.